

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 23 OGOS 2019

MUKA SURAT: 06

● Peluang miliki rumah tidak lebih RM300,000 ● Tempoh pinjaman sehingga 40 tahun

Syarat rumah mampu milik dilonggar

Oleh **HAKIMI ISMAIL**
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 22 OGOS

GOLONGAN berpendapatan tidak melebihi RM4,360 sebulan kini berpeluang memiliki rumah pada harga tidak lebih RM300,000 dengan tempoh pinjaman sehingga 40 tahun.

Ini berikutan inisiatif kerajaan melonggarkan syarat dan kriteria Dana Rumah Mampu Milik mulai 1 September ini yang dijangka dapat melonjakkan permohonan pembelian rumah sehingga 20 peratus.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng berkata, sebelum ini, dana disediakan untuk mereka berpendapatan tidak melebihi RM2,300 sebulan untuk membeli rumah berharga tidak mele-

bihi RM150,000.

Namun, mulai 1 September ini katanya, syarat dilonggarkan dengan individu berpendapatan tidak melebihi RM4,360 sebulan layak memohon untuk membeli rumah tidak lebih RM300,000.

"Semua pemohon yang berjaya akan menikmati kadar faedah rendah iaitu pada kadar 3.5 peratus setahun, dengan tempoh pinjaman sepanjang 40 tahun. Pemohon juga akan mendapat pengecualian duti setem.

"Syarat itu dilonggarkan bagi memberi peluang kepada lebih ramai rakyat Malaysia dapat manfaat daripada dana berkenaan," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Kumpulan Fokus Belanjawan 2020 Perumahan Mampu Milik di sini, hari ini.

Yang hadir sama, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Menurut Guan Eng, beliau berharap melalui inisiatif berkenaan, pemohon untuk rumah mampu milik akan bertambah sekali gus membantu orang ramai untuk memiliki rumah pertama masing-masing.

Untuk rekod, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagi tempoh tiga bulan pertama tahun ini berjaya menyiapkan 32,951 unit kediaman Rumah Mampu Milik di seluruh negara.

Daripada jumlah itu, bilangan tertinggi ialah di Kuala Lumpur iaitu sebanyak 7,390 unit diikuti Perak 5,688 unit; Putrajaya (4,999); Kedah (4,815); Selangor (3,777); Johor (1,964) dan Pahang (1,884).



LIM GUAN ENG bersama Zuraida Kamaruddin mengadakan sidang akhbar selepas Mesyuarat Kumpulan Fokus Belanjawan 2020 Perumahan Mampu Milik di Putrajaya, semalam. - BERNAMA